



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

COLLEGE OF PUBLIC HEALTH MEDICINE, ACADEMY OF MEDICINE OF MALAYSIA

PERSIDANGAN ASIA-PASIFIK KESIHATAN AWAM KE-9

YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, menghadiri Persidangan Kesihatan Awam Asia-Pasifik (APCPH) Ke-9 Tahun 2026, yang menjadi platform serantau penting menghimpunkan pemimpin dan pakar kesihatan awam dari Malaysia dan seluruh Asia-Pasifik. Berteraskan tema ‘Closing the Public Health Gap Through Technology, Partnership & People’, persidangan ini menzahirkan komitmen bersama untuk memperkukuh sistem kesihatan awam dan menangani cabaran semasa secara praktikal.

Sehingga kini, banyak negara-negara di rantau ini sedang berdepan dengan perubahan pesat dalam landskap kesihatan, termasuk ancaman penyakit berjangkit baharu dan muncul semula, peningkatan penyakit tidak berjangkit, risiko kesihatan berkaitan iklim, penuaan populasi, isu kesihatan mental dan ketidaksamarataan kesihatan. Dalam konteks ini, APCPH 2026 menekankan peranan teknologi dalam memajukan kesihatan awam melalui penyelesaian digital, sistem data bersepadu, surveilans penyakit, telekesihatan dan analitik lanjutan. Walau bagaimanapun, teknologi sahaja tidak mencukupi; inovasi mestilah inklusif dan mudah diakses dengan matlamat utama untuk meningkatkan hasil kesihatan dan memberi manfaat kepada mereka yang paling memerlukan.

Persidangan ini menekankan bahawa kerjasama adalah asas dalam menangani cabaran kesihatan awam, kerana isu kesihatan tidak dapat diselesaikan oleh mana-mana pihak secara bersendirian. Kemajuan memerlukan kolaborasi antara agensi kerajaan, akademik, institusi kesihatan, masyarakat sivil, komuniti dan sektor swasta.

Dengan menghimpunkan kepakaran yang pelbagai, APCPH 2026 menjadi platform untuk berkongsi idea dan pengalaman serta memupuk kerjasama yang menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan. Kesihatan awam pada asasnya adalah berkaitan dengan kesihatan individu dan masyarakat. Justeru, komuniti perlu dilibatkan secara aktif dan tenaga kerja kesihatan awam perlu diperkukuh sebagai tunjang sistem kesihatan.

Diadakan di Johor Bahru bersempena Tahun Melawat Johor 2026, APCPH 2026 menampilkan Johor sebagai negeri tuan rumah yang mesra sambil menggalakkan pertukaran ilmiah, jaringan profesional, kerjasama serantau dan tindakan bersama ke arah masyarakat yang lebih sihat, berdaya tahan dan saksama.

Apabila cabaran kesihatan awam menjadi semakin kompleks, saling berkait dan sukar dijangka, keperluan terhadap kepimpinan kesihatan awam yang kukuh menjadi semakin penting. Dalam konteks ini, Pakar Perubatan Kesihatan Awam memainkan peranan kritikal melalui kepakaran dalam pencegahan penyakit, epidemiologi, pengurusan sistem kesihatan, pembangunan dasar, kesiap siagaan kecemasan, komunikasi risiko dan kepimpinan strategik.

Keupayaan untuk menterjemahkan bukti kepada dasar, menyelaraskan tindakan pelbagai sektor dan membimbing sistem kesihatan ketika ketidakpastian adalah asas kepada pembinaan masyarakat yang berdaya tahan. Justeru, APCPH 2026 menegaskan kepentingan pelaburan berterusan dalam pendidikan, latihan dan pembangunan profesional Pakar Perubatan Kesihatan Awam serta tenaga kerja kesihatan awam lain bagi memastikan rantau ini sentiasa bersedia menghadapi cabaran masa hadapan sambil melindungi kesihatan generasi akan datang.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
6 JULAI 2026

